

**TERBUKA**

**SULIT**



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS	:	FALSAFAH PENDIDIKAN DALAM TVET
KOD KURSUS	:	MBE10103
KOD PROGRAM	:	MBV
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI / FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB SEMUA SOALAN</li><li>2. PEPERIKSAAN AKHIRINI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DAN DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU</li></ol>

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITIGA (3) MUKA SURAT**

**SULIT**

- S1 (a) Huraikan **DUA (2)** tujuan mempelajari falsafah. (5 markah)
- (b) Berdasarkan kepada pandangan mazhab falsafah umum di bawah, terangkan bagaimana perkaitannya dengan sistem pendidikan TVET di Malaysia.
- (i) Idealisme (5 markah)  
(ii) Realisme (5 markah)
- (c) Berdasarkan kepada cabang-cabang falsafah umum di bawah, huraikan **DUA (2)** sahaja daripada empat cabang falsafah yang disenaraikan tersebut. Huraian anda perlulah dikaitkan dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia.
- (i) Metafizik (5 markah)  
(ii) Epistemologi (5 markah)  
(iii) Aksiologi (5 markah)  
(iv) Logik (5 markah)
- S2 (a) Senaraikan **DUA (2)** tokoh ahli falsafah Islam beserta dengan sumbangannya kepada dunia hari ini. (5 markah)
- (b) Huraikan pendapat anda terhadap matlamat Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan di Malaysia samada berjaya atau tidak membentuk apa yang telah dinyatakan dalam falsafah pendidikan islam tersebut? (10 markah)
- (c) Ilmu Wahyu, Ilmu Akli, Ilmu Kemasyarakatan dan Ilmu Matematik, Sains dan Teknologi merupakan asas dalam membangunkan masyarakat, melalui gabungan ilmu-ilmu tersebut cadangkan pendekatan yang perlu diambil dalam menghadapi cabaran dunia hari ini. (10 markah)
- S3 (a) Senaraikan **LIMA (5)** unsur penting yang terdapat dalam falsafah pendidikan kebangsaan. (5 markah)
- (b) Falsafah Pendidikan Kebangsaan menegaskan bahawa sistem persekolahan memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan ke arah melahirkan insan yang harmoni dan seimbang. Bincangkan sejauhmanakah usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan, guru, ibu bapa dan masyarakat dapat melahirkan insan yang harmoni dan seimbang atau sebaliknya seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (10 markah)
- (c) Dengan bantuan carta alir, lukis dan jelaskan kronologi sehingga terbentuknya Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (10 markah)

- S4 (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan pendidikan sepanjang hayat?.  
(5 markah)
- (b) Dengan mengenalpasti falsafah pendidikan barat yang bersesuaian huraikan komponen-komponen yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan sepanjang hayat di Malaysia.  
(10 markah)
- (c) Kepuasan kerja dan komitmen guru terhadap organisasi merupakan dua elemen penting dalam menjayakan sistem pendidikan di Malaysia. Huraikan sejauhmanakah kedua-dua elemen tersebut dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.  
(10 markah)

- SOALAN TAMAT -